

16/09/2003

Kerajaan Pusat akan terus bina jalan raya

PASIR MAS: Kerajaan Persekutuan akan meneruskan program pembangunan jalan raya di Kelantan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur yang baik kepada rakyat negeri itu.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata ia menunjukkan Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin terhadap keperluan rakyat serta pengguna jalan raya di Kelantan.

"Kita sedar kemudahan jalan raya yang baik menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor lain khususnya dalam perkhidmatan dan pengedaran barangan.

"Ini akan menjadikan Kelantan dan rakyatnya maju serta makmur," katanya pada majlis perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra, di Kampung Tendong, dekat sini, semalam.

Perasmian jambatan 966 meter merentangi Sungai Kelantan itu disempurnakan Sultan Kelantan. Jambatan empat lorong berharga kira-kira RM166.3 juta itu mula dibina Oktober 1999 dan siap sepenuhnya Julai lalu.

Turut hadir, Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Faris Petra; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat; Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed; Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah.

Kira-kira 40,000 hadir menyaksikan majlis perasmian gilang gemilang itu, di samping rakyat berkesempatan bersalaman dengan Dr Mahathir. Majlis perasmian diserikan beberapa persembahan menarik seperti pertunjukan payung terjun oleh 10 anggota 10 Briged Para Kem Terendak, Melaka; tarik tali 400 peserta, rakit budaya rakyat, bunga api, silat dan tatu.

Samy Vellu juga berkata, menerusi Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8), Kerajaan Persekutuan memperuntukkan kira-kira RM475.9 juta melaksanakan 17 projek menaik taraf dan membina jalan serta jambatan baru di Kelantan.

Antara projek ialah memperelokkan Jalan Kota Bharu-Kuala Krai sepanjang 65 kilometer (km) menghubungkan Kota Bharu-Machang-Kuala Krai. Pembinaan Jalan Dabong-Jeli, Jambatan Sungai Galas, jalan dan Jambatan Sultan Ismail Petra, pembinaan Jalan Cherang Ruku-Air Tawar-Sungai Semerak di Pasir Puteh.

Projek lain ialah memperelok Jalan Pasir Puteh-Gong Kulim-Tok Bali dan membina Jambatan Bukit Bunga, Jeli iaitu laluan baru Malaysia/Thailand.

"Kita juga sedang melaksanakan projek Jalan Raya Simpang Pulai, Lojing dan Gua Musang ke Kuala Berang, Terengganu yang akan menghubungkan Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu," katanya.

Berdasarkan pelaksanaan projek yang masih dalam pelbagai peringkat pembinaan, lima daripada 10 pakej projek membabitkan Kelantan. Projek berkenaan ialah pembinaan jalan di Lojing ke Pos Blau di Gua Musang, Pos Blau-Kuala Betis, Chiku-Aring, Aring-Jambatan Pasir Pulau dan Kuala Betis-Gua Musang.

"Yang jelas, walaupun berbeza fahaman politik, Kerajaan Persekutuan tidak pernah mengabaikan Kelantan, malah kemudahan infrastruktur yang merangkumi kemudahan jalan raya akan diteruskan bagi memudahkan pertumbuhan ekonomi.

"Selain itu, ia dapat membuka koridor baru untuk pembangunan dan memudahkan perhubungan antara negeri di pantai barat dan pantai timur," katanya.

Pada majlis itu, Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) yang diwakili Ketua MTRK kawasan Rantau Panjang, Yaacob Junoh menyerahkan memorandum mengandungi kira-kira 45,000 tandatangan rakyat mengenai isu air kepada Dr Mahathir.

Dalam memorandum itu, rakyat Kelantan menyatakan persetujuan mengenai

cadangan Kerajaan Pusat mengambil alih pengurusan bekalan air di semua negeri, termasuk Kelantan.